

Semata - mata kepentingan sendiri – Mahathir Gabungan **partiz** **pembangkok disifat** **'Barisan Tiruan',**

DM 10 JUN 1990
KUALA LUMPUR 9 Jun – Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad
han ini menyifatkan gabungan parti - parti pembangkang
yang mahu menjadi alternatif kepada Barisan Nasional (BN) seba-
gai Barisan Tiiian (BT) yang semata - mata untuk kepentingan
sendiri.

Perdana Menteri berkata, BT dipelopori oleh 'semangat' yang
juga bukan asli tetapi sebenarnya adalah semangat tiruan iaitu
untuk kepentingan diri sendiri.

"Barang tiruan adalah kurang baik daripada barang yang asal,"
katanya sambil menasihatkan rakyat berhati - hati terhadap ga-
bungan parti - parti pembangkang itu.

Berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Ke-19 Parti
Gerakan di sini pagi ini, beliau berkata, kejayaan BN telah me-
nyebabkan parti - parti berkenaan berhempas-pulas menubuhkan
gabungan seperti BN tetapi usaha itu tidak akan berjaya kerana
mereka hanya mahu mengabui mata rakyat.

"Dengan menyatakan bahawa kerjasama selepas pilihanraya
akan dirunding setelah memenangi pilihanraya umum seperti yang
dibuat oleh PAS, terbukti niat mereka ini hanyalah untuk mem-
perdayakan para pengundi yang mempunyai pendirian tertentu,"
katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir yang juga Pengerusi BN mempersoal-
kan kejujuran di antara sesama parti dalam gabungan itu.

"Rakyat tahu bahawa yang satu kononnya hendak mendiin
negara Islam dan yang satu lagi pula menentang sebarang unsur
keislaman dalam kerajaan atau negara," katanya yang dipercayai
dimaksudkan dengan hubungan DAP - PAS.

Menurutnya, 'pelekat' antara dua pihak yang bertentangan
haluan itu ialah satu kumpulan orang - orang yang telah kecewa.

Di sekeliling parti - parti itu, ujarinya, terdapat parti - parti
oportunis termasuk Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM) yang
menggugurkan perkataan sosialis menjadi PRM kerana 'kiblat' me-
reka telah menggugurkan ideologi itu.

Beliau juga membidas beberapa orang pemimpin Kongres Ke-
satuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang turut menyertai Barisan
Tiruan itu.

Perdana Menteri berkata, para pemimpin BN menceburi bidang
politik untuk berbakti kepada rakyat dan negara dan mereka tidak
menggunakan politik sebagai alat untuk mengejar cita - cita dan
kepentingan peribadi.

Katanya, rakyat memperakui matlamat dan perjuangan BN se-
telah memberi mandat dalam pilihanraya umum yang lepas.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Penasihat Gerakan, Dr. Lim
Chong Eu yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang dan para pe-
mimpin dan wakil dari parti komponen BN.

Majlis perasmian persidangan itu dimulakan dengan bertafakur
selama seminit bagi mengingati bekas Perdana Menteri, Allahyar-
ham Tun Hussein Onn yang meninggal dunia lewat bulan lalu.